

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Pembiayaan kesihatan perlu cukup untuk semua

APEC wajar rangka hala tuju atasi krisis masa depan

Putrajaya: Sebarang pembiayaan kesihatan yang inovatif, perlu memastikan bahawa ia adalah pelaburan yang mencukupi bagi membina pendekatan kesihatan untuk semua.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata pembiayaan kesihatan yang lebih baik melalui pembiayaan sektor awam yang mencukupi, cekap dan saksama adalah kunci kepada sistem kesihatan yang mampan.

Beliau berkata, pandemik COVID-19 menunjukkan mengenai keperluan untuk memfokus semula ekonomi dan mengutamakan pelaburan dalam sektor kesihatan bagi memastikan sistem kesihatan yang lebih mampan dan berdaya tahan.

"Di peringkat global, COVID-19 telah mengganggu penyampaian perkhidmatan, tenaga kerja kesihatan, sistem maklumat kesihatan, pembiayaan dan tadbir urus kesihatan, serta akses kepada ubat-ubatan dan vaksin.

"Daripada pengalaman ini, ia menunjukkan betapa pentingnya negara anggota APEC untuk menilai semula dan merangka hala tuju yang kukuh dan jelas bagi memastikan kemampanan dan daya tahan sistem kesihatan dalam menghadapi krisis kesihatan masa depan selain menambah baik jaringan keselamatan, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana," katanya.

Beliau berkata demikian ketika



Khairy menyampaikan ucapan pembukaan pada Forum Pembiayaan Kesihatan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) secara dalam talian, semalam. (Foto BERNAMA)

perasmian Forum Pembiayaan Kesihatan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang berlangsung secara maya, semalam.

Forum PHC

Khairy berkata, pembiayaan kesihatan yang lebih baik boleh dicapai melalui penguatkuasaan penjagaan kesihatan primer (PHC).

"PHC adalah penting kerana ia adalah teras kepada semua usaha ke arah perlindungan kesihatan sejagat (UHC) dengan menyediakan penjagaan yang komprehensif dan berterusan melalui rangkaian perkhidmatan kesihatan pelbagai disiplin yang lebih luas.

"Ia adalah cara paling inklusif, berkesan dan cekap untuk melindungi kesihatan orang ramai dan masyarakat," katanya.

Khairy menaiklumkan forum kesihatan APEC, bahawa Malaysia kini sedang membangunkan Kertas Putih Kesihatan dengan matlamat untuk mengukuhkan lagi sistem kesihatan negara secara holistik.

"Usaha itu mengiktiraf kepentingan pembiayaan penjagaan kesihatan yang inovatif dalam menuju ke arah penjagaan kesihatan yang mampan dan melangkaui penyampaian penjagaan kesihatan secara langsung selain menangani penentu sosial kesihatan.

"Selain menangani cabaran peringkat populasi seperti masyarakat yang semakin tua dan beban penyakit tidak berjangkit (NCD) serta jurang dalam sistem kami pembiayaan terhad untuk kesihatan dan kurang penggunaan data, inovasi dan teknologi," katanya.

Pada 15 Ogos, Khairy berkata, Kertas Putih Kesihatan yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada November harus menjadi pernyataan hasrat kolektif negara tentang bagaimana ia boleh menjadikan sistem kesihatan lebih mampan dan berdaya tahan menerusi pemikiran 'keseluruhan kerajaan' dan 'keseluruhan masyarakat'.

BERNAMA

Harap KJ kekal Menteri Kesihatan

Kuala Lumpur: Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) berharap Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin, akan kekal sebagai Menteri Kesihatan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Presiden APMH, Datuk Dr Kuljit Singh, berkata Khairy diharapkan akan kekal bertanding di mana-mana kerusi Parlimen pada PRU-15 bagi memastikan beliau dapat terus dilantik memegang jawatan Menteri Kesihatan.

Harapan APMH itu bersandarkan pada prestasi cemerlang Khairy terhadap sektor kesihatan negara, khususnya sepanjang pandemik COVID-19, selain visinya jelas dilihat menerusi penggabungan Kertas Putih Kesihatan.

"APMH berharap Menteri Kesihatan ketika ini, Khairy Jamaluddin akan dapat mengekalkan kerusi Parlimen dan terus memegang jawatan Menteri Kesihatan selepas PRU-15.

"Ini kerana sumbangannya terhadap sektor penjagaan kesihatan negara yang signifikan, terutamanya ketika pandemik dan ketika ini menerusi Kertas Putih Kesihatan yang dicadangkan.

"Usaha beliau telah memperkukuh asas yang dibina oleh menteri terdahulu, namun keberaniannya memperluas kerjasama dengan pemegang taruh penjagaan kesihatan swasta perlu dipuji," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ahad lalu, Khairy yang sudah tiga penggal menjadi Ahli Parlimen Rembau dan pernah diundi sebagai menteri terbaik sebanyak dua kali menerusi kaji selidik oleh beberapa media tempatan tahun lalu, mengesahkan tidak akan bertanding di kerusi Parlimen itu pada PRU-15.

Lima pakar berpengalaman dicalon bantu HWP

Kuala Lumpur: Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) mencalonkan lima pakar berpengalaman mewakili beberapa konglomerat hospital swasta untuk membantu Majlis Penasihat Kertas Putih Kesihatan (HWP).

Presiden APMH, Datuk Dr Kuljit Singh, berkata senarai nama pakar mewakili lima hospital swasta itu sudah diserahkan menerusi satu surat kepada Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

"Mereka yang dicalonkan adalah Ketua Pegawai Operasi (COO) Kumpulan KPJ Healthcare Bhd, Datuk Mohamad Farid Salim;

COO Kumpulan IHH Healthcare Malaysia yang juga Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Gleneagles Hospital Penang, Ivan Loh Ee Hoe.

"Selain itu, Pengarah Urusan dan CEO Kumpulan Columbia Asia, Dr Chan Boon Kheng; CEO Pusat Perubatan Subang Jaya, Bryan Lin Boon Diann; dan Pengarah Kewangan Kumpulan Sunway Healthcare, Chelsea Cheng Chuan Shing," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Kuljit berkata, kelima-lima pakar berkenaan memiliki pengalaman lebih 20 tahun dalam pe-

nurusan hospital swasta, manakala setiap hospital yang diwakili mereka sudah wujud di antara 40 hingga 50 tahun.

Selain itu, katanya, Presiden dan Setiausaha APMH pula akan mewakili beberapa kumpulan hospital kecil dan hospital swasta persendirian buat masa ini.

"Kami menyokong penuh majlis penasihat ini dan lima anggota kami mampu memperkukuh kerjasama antara hospital swasta dengan penyedia perkhidmatan kerajaan.

"Kami berpandangan sistem kesihatan awam dan swasta ke-

tika ini adalah mampan, jika kerjasama lanjut dijalankan dengan nasihat dan maklumat tepat daripada lapangan, khususnya daripada pengurusan hospital swasta," katanya.

Kementerian Kesihatan (KKM) menubuhkan Majlis Penasihat HWP pada 10 Ogos lalu, sebagai sebahagian usahanya menggubal kertas putih untuk melaksanakan reformasi sistem kesihatan negara.

Kertas putih itu akan mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian dari segi reformasi penyampaian perkhidmatan, pem-

biayaan, tadbir urus serta organisasi dengan pendekatan berfasa merangkumi tempoh 15 tahun.

Majlis itu memiliki 13 anggota dan dipengerusikan secara bersama bekas Menteri Kesihatan, Tan Sri Dr S Subramaniam dan Pengerusi Kumpulan AXIATA, Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan.

Ia dianggotai Profesor dan Pengarah Eksekutif Sunway Centre for Planetary Health, Universiti Sunway, Tan Sri Dr Jenimah Mahmood dan Pengarah di Social Security Research Centre Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Norma Mansor.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Putrajaya: Sebanyak 1,486 kes baharu Covid-19 dilaporkan kelmarin dengan dua daripadanya adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Menerusi laman sesawang Covidnow, pertambahan kes baharu itu menjadikan sehingga kini jumlah pesakit yang dijangkiti virus berke-

Rekod 1,486 kes baharu Covid-19

naan meningkat kepada 4,792,942 kes.

Jumlah kes yang masih aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 ialah 27,546 kes dan daripada jumlah itu, 94.9 peratus atau 26,154 kes sedang menjalani kuarantin wajib di

rumah.

Sebanyak 1,297 kes bersamaan 4.7 peratus pesakit Covid-19 sedang mendapatkan rawatan di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) (16) serta unit rawatan rapi (ICU) (79) de-

ngan 43 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.

Secara keseluruhannya, kadar penggunaan ICU di seluruh negara di paras 62 peratus, bagaimanapun yang digunakan oleh pesa-

kit Covid-19 adalah 21.3 peratus.

Terdapat empat kematian dilaporkan kelmarin termasuk satu kes meninggal dunia di luar fasiliti kesihatan (BID).

Ia menjadikan hingga ki-

ni sebanyak 36,249 kes meninggal dunia akibat dijangkiti dengan 7,705 kes meninggal sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

Mengenai kes sembuh, terdapat 2,897 kes pulih dicatatkan kelmarin, sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan 4,729,147 kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

'Kesihatan untuk Semua' perlukan bajet mencukupi

PUTRAJAYA - Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar pada Forum Pembiayaan Kesihatan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada Selasa berkata, sebarang pembiayaan kesihatan yang inovatif harus memastikan bahawa ia pelaburan yang mencukupi bagi membiayai pendekatan 'Kesihatan untuk Semua'.

"Pembiayaan kesihatan yang lebih baik melalui pembiayaan sektor awam yang mencukupi, cekap dan saksama adalah kunci kepada sistem kesihatan yang mampan," kata Khairy pada perasmian forum itu yang berlangsung secara maya.

Beliau berkata, pandemik Covid-19 menunjukkan akan keperluan untuk memfokuskan semula ekonomi dan mengutamakan pelaburan dalam sektor kesihatan bagi memastikan sistem kesihatan yang lebih mampan dan berdaya tahan.

Menurut beliau, pembiayaan kesihatan yang lebih baik boleh dicapai melalui pengukuhan penjagaan kesihatan primer (PHC).

"PHC adalah penting kerana ia merupakan teras kepada semua usaha ke arah perlindungan kesihatan sejagat (UHC) dengan menyediakan penjagaan yang komprehensif dan berterusan melalui rangkaian perkhidmatan kesihatan pelbagai disiplin yang lebih luas.

"Ia adalah cara paling inklusif, berkesan dan cekap untuk melindungi kesihatan orang ramai dan masyarakat," katanya.

Khairy memaklumkan forum kesihatan APEC bahawa Malaysia kini sedang membangunkan Kertas Putih Kesihatan dengan matlamat untuk mengukuhkan lagi sistem kesihatan negara secara holistik.

"Usaha itu mengiktiraf kepentingan pembiayaan penjagaan kesihatan yang inovatif dalam menuju ke arah penjagaan kesihatan yang mampan dan malangkaui penyampaian penjagaan kesihatan secara langsung selain menangani penentu sosial kesihatan.

"Selain menangani cabaran peringkat populasi seperti masyarakat yang semakin tua dan beban penyakit tidak berjangkit serta jurang dalam sistem kami yang meliputi ketidakseimbangan penyampaian perkhidmatan, pembiayaan terhad untuk kesihatan dan kurang penggunaan data, inovasi dan teknologi," katanya.

Pada 15 Ogos, Khairy berkata, Kertas Putih Kesihatan yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada November harus menjadi pernyataan hasrat kolektif negara tentang bagaimana ia boleh menjadikan sistem kesihatan lebih mampan dan berdaya tahan menerusi pemikiran "keseluruhan kerajaan" dan "keseluruhan masyarakat". - Bernama



KHAIRY

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS

New Covid-19 cases continue to decrease with 1,486 infections

KUALA LUMPUR: The country continued to show a slight dip in fresh Covid-19 infections in the last 24 hours, recording 1,486 cases on Monday.

On Sunday, Malaysia recorded 1,904 cases. The new daily cases on Monday bring the cumulative number of Covid-19 cases to 4,792,942 in the country since the pandemic hit.

The Health Ministry's Covid-Now portal reported that of the

new cases, 1,484 were locally transmitted and two are imported.

Kuala Lumpur reported the highest number of fresh Covid-19 infections, with 340 cases, followed by Selangor with 315 and Sabah with 159.

Labuan reported no new cases up to Monday.

The country's number of active cases showed a declining trend, with 27,546 reported on Monday.

Of the cases, 94.9 per cent or 26,154 patients are undergoing home quarantine and 16 are being treated at low-risk quarantine and treatment centres.

Up to Monday, 4.7 per cent or 1,297 patients were hospitalised and 79 people were admitted to the intensive care units (ICU).

Selangor topped the list with the highest number of admissions on Monday, with 73 cases, followed by Sabah with 70 and

Johor with 48.

Currently, 43 patients need ventilator support. The portal reported four Covid-19 deaths, including one brought-in-dead case.

One death was reported each in Johor, Negri Sembilan, Perak and Selangor, bringing the death toll to 36,249 since the start of the pandemic.

The ministry also reported 2,897 patients who recovered

from Covid-19 on Monday, adding to the total of 4,729,147 Covid-19 recoveries in the country.

On Covid-19 booster vaccine shots, 16,221,117 people have received their first booster dose and 474,333 people have received their second booster shot.

Up to Monday, the ministry administered the first booster shot to 530 people and the second booster shot to 1,227 others.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEWS/NATION

SUSTAINABLE SYSTEM

KHAIRY: HEALTH INVESTMENT IS KEY

Innovative health financing must ensure sufficient funding investment to meet needs of all, says health minister

PUTRAJAYA

ANY innovative health financing should ensure that there is sufficient investment in funding a "Health for All" approach, Health Minister Khairy Jamaluddin said yesterday.

"Better health financing through adequate, efficient and equitable public sector funding is key to a sustainable health system," said Khairy at the virtual opening of the Asia-Pacific Economic Cooperation (Apec) Health Financing Forum.

He said the Covid-19 pandemic demonstrated the necessity to realign economies and to prioritise health-related investments to ensure a more sustainable and resilient health system.

Globally, he pointed out, Covid-19 had disrupted the service delivery, health workforce, health information system, health financing and governance, as well

as the accessibility to medicines and vaccines.

Based on this experience, Khairy said, it was vital for Apec members to re-evaluate and chart a strong and clear course to ensure the health systems' sustainability and resilience to face future health crises and improve safety nets, especially for the low- and middle-income groups.

He said better health financing could be achieved through strengthening primary healthcare (PHC).

"PHC is essential as it is at the core of all efforts towards universal health coverage (UHC) by providing comprehensive and continuous care through a much wider range of multidisciplinary health services.

"It is the most inclusive, effective and efficient way to protect the health of people and communities."

Khairy told the health forum that Malaysia was developing a Health White Paper (HWP) aimed at strengthening the country's health system holistically.

"The effort recognises the importance of innovative healthcare financing in pursuit of sustainable healthcare and goes beyond direct healthcare delivery that includes tackling the social determinants of health.

"Besides addressing popula-



Health Minister Khairy Jamaluddin speaking at the virtual opening of the Asia-Pacific Economic Cooperation (Apec) Health Financing Forum in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

tion-level challenges such as an ageing society and the burden of non-communicable diseases, and gaps in our system, it includes an imbalance in service delivery, limited funding for health and

underutilisation of data, innovation and technology."

On Aug 15, Khairy said the HWP, which is expected to be tabled in Parliament in November, should be the country's col-

lective statement of intent on how it can make the health system more sustainable and resilient through a "whole of government" and "whole of society" mindset. **Bernama**

Private hospitals nominate 5 to Health White Paper council

KUALA LUMPUR: The Association of Private Hospitals Malaysia (APHM) has nominated five representatives from private hospital conglomerates to assist the Health White Paper (HWP) advisory council.

Its president, Datuk Dr Kuljit Singh, said APHM supported the council, adding that these five representatives would strengthen the partnership of private hospitals with the government.

"We are of the opinion that the

current public and private healthcare system is sustainable, provided further collaborative efforts can be undertaken but with precise advice and knowledge from the ground, particularly from the private hospital operators," he said in a statement yesterday.

Dr Kuljit said the nominations had been submitted to Health Minister Khairy Jamaluddin.

"All of them have more than 20 years of individual experience in private hospital management. Each of these private hospital groups has been in existence for between 40 and 50 years.

"The president and secretary of APHM will represent the other smaller hospital groups and standalone private hospitals till further notice."

The 13-member advisory council, announced by Khairy last week, is co-chaired by former



Datuk Dr Kuljit Singh

health minister Tan Sri Dr S. Subramaniam and Axiata Group chairman Tan Sri Shahril Ridzuan.

On a separate matter, Dr Kuljit said the association hoped

Khairy would remain in Parliament and continue as health minister after the 15th General Election.

"His contribution to the country's healthcare has been significant, particularly during the pandemic and currently in the proposed HWP.

"His efforts have augmented the foundation that was built by previous ministers, and his courage to enhance the partnership with private healthcare stakeholders is very commendable.

"This partnership with private hospitals will have the details on how delivering healthcare could be made possible to every citizen with the best mechanism of reimbursement and create sufficient accessibility for early treatment without any disruption to any of the existing public and private healthcare structures."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

KJ: Sufficient funds vital for 'Health for All' approach

PUTRAJAYA: Any innovative health financing should ensure that there is sufficient investment into funding a "Health for All" approach, says Health Minister Khairy Jamaluddin.

"Better health financing through adequate, efficient and equitable public sector funding is key to a sustainable health system," said Khairy at the virtual opening of the Asia-Pacific Economic Cooperation (Apec) Health Financing Forum here yesterday.

He said the Covid-19 pandemic showed the need to refocus econo-

mies and prioritise investments in health to ensure a more sustainable and resilient health system.

Globally, he pointed out that Covid-19 had disrupted service delivery, the health workforce, health information systems, health financing and governance, as well as accessibility to medicines and vaccines.

Learning from this experience, Khairy said it was vital for Apec members to re-evaluate and chart a strong and clear course to ensure the health systems' sustainability and resilience to face future health

crises and to improve safety nets, especially for the low and middle income groups.

He said better health financing could be achieved through strengthening primary healthcare (PHC).

"PHC is essential as it is at the core of all efforts towards universal health coverage (UHC), by providing comprehensive and continuous care through a much wider range of multidisciplinary health services.

"It is the most inclusive, effective, and efficient way to protect the health of people and communities,"

he said, Bernama reported.

Khairy told the forum that Malaysia was currently developing a Health White Paper (HWP) with the aim of further strengthening the country's health system holistically.

"The effort recognises the importance of innovative healthcare financing in pursuit of sustainable healthcare and goes beyond direct healthcare delivery that includes tackling the social determinants of health.

"It also addresses population-level challenges such as an ageing

society and the burden of non-communicable diseases (NCDs) and gaps in our system, including an imbalance in service delivery, limited funding for health, and underutilisation of data, innovation and technology," he added.

On Aug 15, Khairy said the HWP, which is expected to be tabled in Parliament in November, should be the country's collective statement of intent on how it could make the health system more sustainable and resilient through a "whole of government" and "whole of society" mindset.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS



Financing must support 'health for all' approach, says Khairy

PUTRAJAYA: Health Minister Khairy Jamaluddin (*pix*) said at the Asia-Pacific Economic Cooperation (Apec) Health Financing Forum yesterday that any innovative health financing should ensure that there is sufficient investment into funding a "Health for All" approach.

"Better health financing through adequate, efficient and equitable public sector funding is key to a sustainable health system," Khairy said during the opening of the virtual forum.

He said the Covid-19 pandemic showed the need to refocus economies and prioritise investments in health to ensure a more sustainable and resilient health system.

He pointed out that Covid-19 had disrupted global service delivery, health workforce, health information system, health financing and governance, as well as accessibility to medicines and vaccines.

Khairy said in learning from experience, it was vital for Apec members to re-evaluate and chart a strong and clear course to ensure sustainability and resilience of the health system to face future health crises and improve safety nets, especially for the low and middle income groups.

He said better health financing could be achieved through strengthening primary healthcare (PHC).

"PHC is essential as it is at the core of all efforts towards universal health coverage by providing comprehensive and continuous care through a much wider range of multidisciplinary health services.

"It is the most inclusive, effective and efficient way to protect the health of people and communities."

Khairy told the forum that Malaysia is currently developing a Health White Paper (HWP), with the aim of further strengthening the country's health system holistically.

"The effort recognises the importance of innovative healthcare financing in pursuit of sustainable healthcare and goes beyond direct healthcare delivery that includes tackling the social determinants of health.

"Besides addressing population-level challenges such as an ageing society and the burden of non-communicable diseases and gaps in our system, including an imbalance in service delivery, limited funding for health and underutilisation of data, innovation and technology."

On Aug 15, Khairy said the HWP, which is expected to be tabled in Parliament in November, should be the country's collective statement of intent on how it can make the health system more sustainable and resilient through a "whole of government" and "whole of society" mindset. - Bernama